

**AMINUDDIN BAKI DALAM
KENANGAN
OLEH
PEMERHATI**

**SUMBER: DEWAN MASYARAKAT
JANUARI 1988
M.S. 40-41**

**PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Aminuddin Baki dalam Kenangan

Aminuddin adalah nama penting dalam perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Usaha mengenang jasa beliau ini walaupun agak terlambat namun sangat wajar, terutama kepada golongan muda yang tidak pernah mengenal perjuangan beliau.

Oleh PEMERHATI

D i Arkib Negara pada 9 November lalu telah berlangsung suatu acara istimewa yang diberi nama "Senari Mengenang Aminuddin Baki". Acara ini merupakan susulan pelancaran siri Kuliah Aminuddin Baki anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah diadakan di Universiti Malaya pada hari Sabtu 7 November lalu. Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Tan Sri Hamdan Sheikh Tahir Jalaluddin mendapat penghormatan untuk menyampaikan kuliah sulungnya.

Siri Kuliah Umum ini dilancarkan bagi mengingati tokoh pemimpin pelajar yang ulung dan juga tokoh pendidikan kebangsaan – Allahyarham Aminuddin Baki, yang telah pulang ke rahmatullah pada 24 Disember 1965.

Acara "Sehari Mengenang Aminuddin Baki" itu dibahagi kepada dua sesi – sesi pagi yang berupa "Siri Pengisahan Sejarah" dan sesi petang yang berupa Majlis

Forum. Siri Pengisahan Sejarah itu bertujuan memperkenalkan peribadi Allahyarham Aminuddin dengan lebih dekat melalui orang-orang yang berhubungan erat dengannya semasa di sekolah, di Raffles College (kemudian dikenali sebagai Universiti Malaya di Singapura), di Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan), dalam gerakan pelajar khususnya Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), dan juga mengenang beliau sebagai ayah dan suami. Majlis Forum pula khusus membincangkan Dasar Pendidikan Kebangsaan, perkara yang menjadi idaman dan cita-cita Allahyarham Aminuddin semenjak beliau dilantik menganggotai Jawatankuasa Barnes dalam tahun 1950. Sewaktu itu beliau masih lagi menjadi mahasiswa Universiti Malaya di Singapura.

Siri Pengisahan Sejarah yang dipengerusikan oleh Profesor Madya Datuk Nik Abdul Rashid dari Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, mengemukakan empat orang ahli panel yang terdiri dari Tan Sri Mohd. Khir Johari (Menteri Pelajaran sezaman dengan Allahyarham Aminuddin), Datuk Lokman Musa (waktu itu seorang pegawai kanan kerajaan dan amat rapat dengan Allahyarham), Haji Zabidi Shamsuddin (yang mempunyai hubungan keluarga dan bersama-sama Allahyarham di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh) dan Puan Hajah Zaharah Mokhtar, yang sama-sama bergiat dalam



Aminuddin Baki: Jasamu tetap dikenang.

Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Insaf (PERMI) Perak dan sempat seketika bersama-sama Allahyarham di Universiti Malaya, Singapura pada awal 50-an.

Selain daripada ahli-ahli panel, tiga orang hadirin yang kebetulan ada hubungan dengan Allahyarham telah dijemput untuk memperkatakan tentang beliau iaitu bule Allahyarham, Puan Noraini Abu Bakar – ibu kepada tiga orang putera mereka yang masih kecil semasa ayahnya meninggalkan mereka. Tan Sri Abdullah Ayub, rakan junior setahun semasa di Universiti Malaya yang mengambil alih tempat Allahyarham sebagai Yang Dipertua GPMS; abang kepada Allahyarham, Tuan Haji Sanusi Baki, pesara perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan saya sendiri.

Sayang sekali beberapa orang lagi rakan sekelas semasa di Raffles College yang akrab dan turut serta menaja penubuhan GPMS seperti Sdr. Abdul Rahim Ishak (adik Presiden pertama Republik Singapura Allahyarham Tun Yusof Ishak) dan bekas Menteri Pertanian Encik Abdul Aziz Ishak yang kini menjadi Penasihat Kementerian Luar Negeri Singapura tidak dapat bersama, begitu juga Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang sezaman dengan beliau tetapi di Fakulti Perubatan (Dr. Mahathir tidak banyak berkecimpung dalam kegiatan pelajar waktu itu); dan Encik Abdul Aziz Haji Mohd. Nor yang menjadi penggerak Anglo-Malay Evening School. Allahyarham berserta kami turut menyumbang tenaga tiga hari seminggu mengajar anak-anak Melayu yang kurang bernasib baik dalam bahasa




PENGASAS GPMS
Tokoh-tokoh pengasas GPMS: Aminuddin Baki berdiri nombor 5 dari kiri di barisan pertama.

Inggeris. Hakim Tan Sri Wan Sulaiman pelajar senior setahun dari kami dan juga seorang penaja GPMS hadir seketika tetapi terpaksa meninggalkan majlis sebelum Pengisahan Sejarah bermula kerana panggilan tugas. Perasmian dilakukan oleh Menteri Kebajikan Masyarakat, Haji Mustafa Mohamed, sementara Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Encik Abdul Rahman Sulaiman juga turut hadir.

Sesi petang dalam acara "Sehari Mengenang Aminuddin Baki" itu diisi dengan majlis forum yang khusus membincangkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang merupakan cita-cita murni Allahyarham Aminuddin Baki. Ahli panel forum terdiri daripada tokoh pendidik terkemuka, Prof. Atan Long dari Universiti Islam Antarabangsa; bekas Presiden GPMS yang kini bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Sanusi Osman; dan Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Ahmad, juga dari UKM. Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia yang juga pemimpin PERMI Telok Anson (kini Teluk Intan) Tan Sri Aminuddin Abdul Wahid mempergerakkan Majlis Forum itu. Pada suatu ketika beliau pernah mengetua Pergerakan Pelajar-pelajar Melayu di Kolej Teknik Kuala Lumpur (kini Universiti Teknologi Malaysia).

Menurut berita-berita akhbar, kuliah sulung dalam siri Kuliah Aminuddin Baki mendapat sambutan hangat dari golongan pendidik negara. Memang kena pada tempat dan waktunya, sewaktu soal pendidikan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian tinggi dan bahasa kaum inteligensia, nama Allahyarham Aminuddin Baki disegarkan dalam ingatan kita semua, terutama generasi hari ini yang tidak pernah mengenal beliau. Berkat cetusan hati nurani Allahyarham itulah kedudukan bahasa Melayu berada di tempat yang tinggi. Pilihan tunggal beliau kepada



Ketika menjadi Ketua Setiausaha Pelajaran: Berucap di Mesyuarat Agung Pusat Perguruan Perempuan, Melaka, 1958.

bidang pendidikan, memberikan peluang keemasan untuknya merancang dan terus melaksanakan cita-cita murni melihat bangsa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain yang maju dan moden. Andai kata beliau mengikut atau sama terikut-ikut dengan langkah rakan-rakan sezamannya memilih *Malayan Civil Service* yang lebih menarik maka sudah tentulah sejarah pendidikan di negara ini mengikut arus yang berbeza. Syukur, Tuhan Yang Maha Kuasa meneatakan dan mengekalkan minat Allahyarham Aminuddin kepada bidang pendidikan dan meneruskan perjuangan hingga ke akhir hayat.

Dalam ucapan ringkas, Tan Sri Abdullah Ayub telah menerangkan sesuatu yang mengharukan para hadirin. Allahyarham Aminuddin pulang ke rahmatullah pada usia 39 tahun; meskipun beliau termasuk dalam kategori *pensionable* beliau masih kurang 11 tahun untuk berhak menerima pencepan (itu pun jikalau mengambil opsyen pada umur 50 tahun). Oleh itu Puan Noraini dan anak-anak yang masih kecil itu tidak menerima apa-apa bayaran dari Kerajaan kerana tidak ada sebarang peruntukan bagi mereka. Kepincangan ini hanya dapat dibentulkan apabila Suruhanjaya Gaji Suffian membuat penyemakan tentang gaji dan syarat-syarat kerja kakitangan Kerajaan pada tahun 1970. Bagaimanapun, sebuah badan yang diberi nama Yayasan Aminuddin Baki telah ditubuhkan dengan tujuan utama untuk membantu pendidikan anak-anak Allahyarham hingga ke peringkat tinggi, di samping

mengeluarkan bantuan kepada pelajar-pelajar yang berkebolehan dan memerlukan bantuan. Hasrat ini dinyatakan oleh pengurus yayasan tersebut Datuk Desa Pachi, semasa pelancaran Kuliah Aminuddin Baki.

Tidak syak lagi, pandangan peribadi yang diberikan oleh beberapa rakan sekerja, teman dan sahabat serta anggota-anggota keluarga tentang diri Allahyarham Aminuddin Baki itu amat berguna kepada rakyat umum terutama generasi masa depan yang ingin mengetahui lebih mendalam tentang para pemuka zaman lampau mereka. Pihak Arkib Negara akan membukukan riwayat lisan dengan beberapa pertambahan bagi menyempurnakannya. Ini akan dapat menambahkan tulisan yang ada tentang peribadi dan sumbangan beliau yang tidak ternilai kepada bangsa dan negara. Hanya suatu hal yang patut disebut di sini iaitu kenapakah pengiktirafan atau pengesahan tentang Allahyarham itu dibuat setelah 22 tahun beliau meninggalkan kita. Walaupun demikian inisiatif Kementerian Pendidikan, Arkib Negara dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor itu patut dipuji. Masih belum terlambat bagi pihak lain untuk memikirkan sesuatu yang lebih bermakna. Meskipun beliau sudah tiada, namun sepatutnya pihak Kerajaan ataupun institusi pengajian tinggi boleh mengenangkan jasa beliau dengan cara yang lebih bermakna umpannya dengan menamakan Kerusi Jurusan Pendidikan bagi mengenang nama Allahyarham atas jasa-jasanya dalam pendidikan negara. ●

Hanya satu hal yang patut diingati iaitu kenapakah pengiktirafan atau pengesahan tentang Allahyarham itu dibuat setelah 22 tahun beliau meninggalkan kita? Sepatutnya pihak kerajaan ataupun institusi pengajian tinggi boleh mengenangkan jasa beliau dengan cara yang lebih bermakna.